



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN MADANI PERKUKUH KEUPAYAAN PENGUATKUASAAN KASTAM MELALUI PENYERAHAN STOR RAMPASAN BAHARU

KUCHING, SARAWAK – Kerajaan MADANI hari ini menyerahkan Projek Pembinaan Stor Rampasan Pejabat Penguatkuasaan Kastam, Kuching, Sarawak (Tender Semula) yang telah siap dibina oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia selaku Agensi Pelaksana kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

2. Majlis penyerahan tersebut disempurnakan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya, dengan disaksikan oleh pengurusan tertinggi Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Jabatan Kerja Raya Malaysia.

3. Projek bernilai RM9.98 juta ini merupakan salah satu inisiatif strategik Kerajaan MADANI dalam memperkukuh penyediaan infrastruktur kerajaan yang berkualiti, selamat dan berdaya tahan bagi menyokong kecekapan operasi penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Sarawak. Projek ini telah dilaksanakan oleh Pasukan Projek Khas 2 (PPK2), JKR Malaysia bermula pada 14 Mei 2024 menerusi kaedah Konvensional Perunding dengan kontraktor utama MSD Enterprise Sdn. Bhd. Sijil Perakuan Siap Kerja (*Certificate of Practical Completion - CPC*) telah berjaya dikeluarkan pada 26 Mei 2026.

4. Skop utama projek ini merangkumi pembinaan Bangunan Pejabat Operasi dan Stor Rampasan yang dilengkapi dengan tiga unit ruang penyimpanan, Bilik Kebal, Bilik Eksibit, ruang pembakaran terbuka serta sistem penyimpanan yang lebih sistematik dan selamat. Selain itu, projek ini turut menyediakan 40 petak tempat letak kereta terbuka, 20 petak tempat letak kereta berbumbung, pondok pengawal, bilik pam, tangki air serta sistem Mekanikal dan Elektrikal yang lengkap bagi memenuhi keperluan operasi semasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

5. Projek ini turut mengadaptasi pendekatan *Pre-Approved Plan (PAP)* JKR Malaysia melalui adaptasi reka bentuk Stor Rampasan Kastam di Seremban, Negeri Sembilan yang telah terbukti memenuhi keperluan operasi. Pendekatan ini membolehkan proses reka bentuk dan pelaksanaan projek dipercepatkan,

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

100 X0 KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

meningkatkan keseragaman standard reka bentuk kerajaan serta mengoptimumkan penggunaan sumber tanpa menjejaskan aspek keselamatan dan kualiti. Selain itu, pendekatan *Environmental, Social and Governance (ESG)* turut diterapkan melalui reka bentuk yang memberi penekanan kepada pengudaraan semula jadi, keperluan pengguna termasuk Orang Kurang Upaya (OKU), aspek keselamatan serta sistem pengurusan penyimpanan barang rampasan yang lebih teratur dan berintegriti.

6. Pembinaan stor baharu ini amat signifikan memandangkan kemudahan sedia ada yang digunakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia merupakan premis sewaan pihak swasta dan tidak lagi mampu menampung keperluan operasi yang semakin meningkat. Dengan adanya fasiliti baharu ini, pengurusan barang rampasan dapat dilaksanakan secara lebih sistematik, selamat dan terkawal, di samping mengurangkan kebergantungan kepada premis sewaan serta memperkukuh keupayaan penguatkuasaan negara.

7. YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi turut merakamkan penghargaan kepada Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pasukan Projek Khas 2 JKR Malaysia, pasukan perunding, kontraktor utama serta semua pihak yang terlibat atas komitmen dan kerjasama dalam memastikan projek ini berjaya disiapkan.

8. JKR Malaysia akan terus memantau pelaksanaan tanggungjawab pihak kontraktor sepanjang tempoh tanggungan kecacatan (*Defects Liability Period - DLP*) bagi memastikan segala kerja pembaikan dan penyelenggaraan dilaksanakan mengikut spesifikasi serta memenuhi piawaian yang ditetapkan.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
17 SEPTEMBER 2026

#KKR
#KearahKesejahteraanRakyat
#MYJalan
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja